

J. P.U. 40.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH LALULINTAS JALAN
(PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA)
MAJLIS PERBANDARAN KULAI (PINDAAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 72 Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Majlis Perbandaran Kulai (selepas ini dirujuk sebagai "Majlis") sebagai pihak berkuasa berhubung dengan mana-mana jalan yang terletak dalam kawasan Majlis, dengan persetujuan Menteri, membuat Perintah yang berikut:

Nama, pemakaian dan permulaan berkuatkuasa

1. (a) Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kulai (Pindaan) 2015 dan hendaklah dipakai hanya bagi Majlis Perbandaran Kulai.

(b) Perintah ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Pindaan Am

2. Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Kulai 2003 yang disebut dalam perintah ini sebagai "Perintah ibu" adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Majlis Daerah Kulai" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan "Majlis Perbandaran Kulai" kecuali secara khusus diperuntukkan dalam Perintah.

Pindaan Perintah 39

3. Perintah ibu adalah dipinda dengan menggantikan subperintah 39(3) Perintah ibu dengan subperintah berikut:

"(3) Pembayaran wang yang dibuat mestilah dengan tunai, kad kredit/debit atau dengan kiriman wang, wang pos, perintah bank atau draf bank atau cek dibayar kepada Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Kulai dan dipalang dengan perkataan "Akaun Penerima Sahaja".

Pindaan Jadual Pertama

4. Jadual Pertama Perintah ibu adalah dipinda seperti berikut:

(a) dalam ruangan (5), dengan menggantikan perkataan "Isnin hingga Sabtu (8.00 pagi hingga 6.00 petang)" dengan perkataan "Ahad hingga Khamis dan Sabtu (8.00 pagi hingga 6.00 petang)";

dan

(b) dalam ruangan (1) dan (2), dengan memasukkan selepas butiran 29 butiran yang berikut: